

Bil. S 48

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AKTA KAWALAN HARGA (PINDAAN), 2012**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran.
  2. Pindaan bab 2 dari Penggal 142.
  3. Pindaan bab 3.
  4. Penggantian bab 3A.
  5. Pindaan bab 3B.
  6. Pemasukan bab 3C baru.
  7. Pindaan bab 4.
  8. Pindaan bab 7.
  9. Pindaan bab 8.
  10. Pindaan bab 9A.
  11. Pindaan bab 10A.
  12. Pemasukan bab 10C baru.
  13. Pindaan Jadual.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH AKTA KAWALAN HARGA (PINDAAN), 2012**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2012.

**Pindaan bab 2 dari Penggal 142.**

2. Bab 2 dari Akta Kawalan Harga, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan “harga maksimum” takrifan-takrifan baru yang berikut —

“ “harga minimum” bermakna harga minimum yang pada harga tersebut di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini, barang-barang boleh dijual;

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi Akta Kawalan Harga (Penggal 142) di Jabatan Perdana Menteri;”;

(b) dengan memotong takrifan “barang-barang yang dikawal harganya” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “barang-barang yang dikawal harganya” bermakna barang-barang yang berkaitan dengannya —

(a) harga maksimum telah ditetapkan di bawah bab 3B;

(b) harga minimum telah ditetapkan di bawah bab 3C, dan termasuk perkhidmatan yang baginya harga maksimum atau harga minimum telah ditetapkan;”;

(c) dengan memotong takrifan “Pemeriksa Harga” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Pemeriksa Harga” bermakna mana-mana orang yang dilantik di bawah bab 3(2) sebagai Pemeriksa Harga dan boleh termasuk mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor,

mana-mana pegawai Kastam atau *diwartakan* demikian bagi maksud-maksud Akta ini.”.

**Pindaan bab 3.**

3. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh melantik Pengawal Harga dan Timbalan Pengawal Harga sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.”;

(b) dalam cerai (2) dengan memotong “Ketua-Ketua Pemeriksa Harga, Pemeriksa-Pemeriksa Harga Kanan dan” dari baris pertama dan kedua; dan

(c) dengan menambah cerai baru yang berikut —

“(3) Menteri hendaklah menyebabkan supaya Pengawal Harga, Timbalan Pengawal Harga dan Pemeriksa-Pemeriksa Harga diberikan kad kuasa dalam bentuk sebagaimana yang mungkin diarahkan olehnya.”.

**Penggantian bab 3A.**

4. Bab 3A dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

**“Lantikan jawatankuasa.**

3A. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membantu atau menasihati Pengawal Harga mengenai perkara-perkara yang timbul dari tugas-tugasnya sebagai Pengawal Harga di bawah Akta ini.”.

**Pindaan bab 3B.**

5. Bab 3B dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas cerai (2) cerai baru yang berikut —

“(3) Mana-mana orang yang melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

**Pemasukan bab 3C baru.**

6. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 3B bab baru yang berikut —

**“Harga dan bayaran minimum.**

3C. (1) Pengawal Harga boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* —

(a) menetapkan harga minimum bagi penjualan mana-mana barang, sama ada dengan mengisytiharkan harga jualan minimum atau dengan menetapkan cara bagaimana harga jualan minimum barang-barang itu akan ditentukan;

(b) menetapkan bayaran minimum yang boleh dibuat oleh mana-mana orang bagi sebarang perkhidmatan berhubung dengan pembekalan, pembaikan, penyenggaraan, pembungkusan, pengangkutan atau penyimpanan barang-barang, yang termasuk bekalan bahan-bahan sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu;

(c) menetapkan harga minimum, atau menetapkan cara bagaimana harga minimum akan ditentukan, mana-mana barang terpakai, sama ada untuk jualan oleh orang-orang yang menukar beli barang-barang itu, atau oleh pemilik-pemilik persendirian barang-barang itu; dan

(2) Di bawah bab ini Pengawal Harga boleh menetapkan harga atau bayaran minimum bagi perkhidmatan berkaitan dengan mana-mana barang bagi satu kawasan yang berlainan dari harga minimum atau bayaran perkhidmatan yang ditetapkan bagi kawasan lain berkaitan dengan barang-barang yang sama atau serupa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

**Pindaan bab 4.**

7. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “(1)” sejurus sebelum “Pengawal” dalam baris pertama; dan

(b) dengan menambah ceraian baru yang berikut —

“(2) Mana-mana orang yang melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

**Pindaan bab 7.**

8. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah sejurus selepas ceraian (2) ceraian baru yang berikut —

“{3} Mana-mana orang yang melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

**Pindaan bab 8.**

9. Bab 8 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “{1}” sejurus sebelum “Tiada” dalam baris pertama; dan

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

“{2} Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

**Pindaan bab 9A.**

10. Bab 9A dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

- (i) dengan memotong “Penolong Pengawal Harga” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Pemeriksa Harga”;
- (ii) dengan memotong “Ketua Pemeriksa Harga” dari baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “pegawai Kastam”;
- (iii) dalam perenggan (a), dengan memasukkan “atau mana-mana barang terkawal” sejurus selepas “barang-barang” dalam baris pertama dan dalam baris kelapan;
- (iv) dalam perenggan (b), dengan memasukkan “atau mana-mana barang terkawal” sejurus selepas “barang-barang” dalam baris ketiga;
- (v) dalam perenggan (d), dengan memasukkan “atau mana-mana barang terkawal” sejurus selepas “barang-barang” dalam baris akhir.

(b) dalam cerai (2) —

- (i) dengan memasukkan “, mana-mana barang terkawal atau apa-apa peralatan sertaan” sejurus selepas “barang-barang” dalam baris pertama;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan memotong “barang-barang itu, barang-barang dan” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “barang-barang yang dikawal harganya, barang terkawal atau peralatan sertaan”;

(iii) dalam perenggan (b), dengan memotong “barang-barang dan” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “barang-barang yang dikawal harganya, barang terkawal atau”;

(iv) dalam proviso perenggan (b), dengan memotong “barang-barang” dari baris pertama dan baris akhir dan menggantikannya dengan “barang-barang yang dikawal harganya atau barang terkawal”;

(c) dalam ceraian (4), dengan memasukkan “B” sejurus selepas “9” dalam baris akhir.

**Pindaan bab 10A.**

11. Bab 10A dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “\$500” sejurus selepas “melebihi dari” dalam baris akhir dan menggantikannya dengan “\$1000”.

**Pemasukan bab 10C baru.**

12. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 10B bab baru yang berikut —

**“Mewakulkan kuasa.**

10C. Pengawal Harga boleh, secara bertulis, mewakulkan semua atau sebarang kuasa, kewajipan atau tugasnya di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini kepada mana-mana Timbalan Pengawal Harga atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Menteri, dan boleh pada bila-bila masa membatalkan atau mengubah perwakilan tersebut:

Dengan syarat bahawa perwakilan tersebut tidak boleh dianggap sebagai melepaskan Pengawal Harga dari semua atau sebarang kuasa, kewajipan atau tugasnya dan dia boleh jika difikirkannya patut menjalankan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan atau tugas-tugas tersebut, walaupun pada hakikatnya dia telah mewakilkannya.”.

**Pindaan Jadual.**

13. Jadual kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam butiran 10 —

(i) dengan memotong “Senarai”; dan

(ii) dengan memotong “kesalahan-kesalahan” dan menggantikannya “Kesalahan-kesalahan”; dan

(b) dengan menambah “11. Jualan murah.”.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 13 haribulan November, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM